

DISEDIAKAN
OLEH

JABATAN
DANA & ZAKAT

MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن



NADI

EDISI
DISEMBER
2025

AL-FATEH



DISEDIAKAN UNTUK

PARA PENYUMBANG

***SYAHADAH ULA
PERINGKAT TERTINGGI
HAFAZAN AL-QURAN
PELAJAR KE-12***

PENCAPAIAN PELAJAR I HARYZ, SYAHADAH ULA KE-12

Pada 18 Disember 2025, Saudara Haryz Irfan bin Wan Azrizul Azad telah berjaya menamatkan Syahadah Ula, sekali gus menandakan satu kejayaan baharu buat diri beliau serta menjadi hadiah bermakna kepada ibu bapa dan para gurunya.

Alhamdulillah, penantian dan usaha yang bermula seawal jam 4.30 pagi akhirnya berakhir dengan jayanya pada jam 10.20 malam.

Setinggi-tinggi tahniah turut diucapkan kepada para guru, ibu bapa, keluarga serta rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan sokongan sejak awal perjalanan ini. Semoga kejayaan ini menjadi saham pahala yang berterusan. Amin.



PENCAPAIAN PELAJAR I HARYZ, SYAHADAH ULA KE-12



Gambar sekitar Majlis Syahadah Ula: Haryz Irfan

***MUHASABAH KELAS
HAFAZAN 2025***

MUHASABAH KELAS HAFAZAN I

26 DISEMBER 2025



TAHNIAH 13 PELAJAR AL-FATEH KE SHAH ALAM CITY SILAT CHAMPIONSHIP 2.0 MAYOR CUP 2025

Syabas kepada 13 pelajar Al-Fateh yang telah mewakili Persatuan Silat Hang Tuah Malaysia dalam Shah Alam City Silat Championship 2.0 Mayor Cup 2025!

2 peserta iaitu Ezzat bin Salman Al-Farisi (Kategori Pra Remaja Putra Kelas F, 60-65kg) dan Uqbah bin Mohd Azizuddin (Kategori Remaja Putra Kelas D, 55-60kg) menerima pingat Gangsa bagi kategori masing-masing.

Tahniah juga diucapkan atas usaha dan fokus yang ditunjukkan oleh semua peserta sepanjang proses latihan serta ketika pertandingan berlangsung.

Al-Fateh sentiasa menyokong perkembangan potensi pelajar melalui aktiviti luar, sambil memastikan teras pendidikan kami; hafazan, akademik dan program kepimpinan terus menjadi keutamaan. Keseimbangan inilah yang kami percaya dapat melahirkan Huffaz Berkepimpinan.

***KUNJUNGAN
D'MENTANGAU AGRO FARM***

KUNJUNGAN I D'MENTANGAU AGRO FARM

23 SEPTEMBER 2025

“Perkongsian ilmu dan maklumat yang diberikan oleh pihak pengurusan Maahad Tahfiz Al-Fateh amat bermakna serta komprehensif.”

- Dr. Sulaiman

Alhamdulillah, Maahad Tahfiz Al-Fateh telah menerima kunjungan dari Dr. Sulaiman, daripada D'Mentangau Agro Farm, Dungun Terengganu.

Beliau merancang untuk membangunkan projek Tahfiz Agro Farm di kawasan beliau dan hadir untuk mendapatkan inspirasi serta panduan daripada model pembangunan Maahad Tahfiz Al-Fateh.

Semoga kunjungan ini menjadi permulaan kepada kerjasama strategik dalam usaha memperkukuh pendidikan tahfiz di Malaysia.





***PERKAMPUNGAN ILMU
SPM 2025***

PERKAMPUNGAN ILMU SPM 2025

24 - 26 SEPTEMBER 2025

Pada 24 hingga 26 September 2025, Maahad Tahfiz Al-Fateh telah melaksanakan program Perkampungan Ilmu SPM 2025 bertempat di Kalumpang.

Program ini menghimpunkan pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan objektif utama memberikan bimbingan intensif, motivasi serta pendedahan strategi pembelajaran berkesan yang dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman.

Terima kasih kepada tenaga pengajar yang berusaha keras bagi menjayakan perkampungan ini.

Selamat maju jaya kepada semua pelajar.



PERKAMPUNGAN ILMU SPM 2025

24 - 26 SEPTEMBER 2025



Gambar sekitar Perkampungan Ilmu SPM 2025

KULIAH SABTU

*“Susuk Tubuh Al-Fateh, Malakah
Qiyadiah, Berkepimpinan Tinggi”*

KULIAH SABTU I

27 SEPTEMBER 2025



Pada sesi Kuliah Sabtu, Pengetua Maahad Al-Fateh, Ustaz Lutfi telah menyampaikan kuliah bertajuk “Susuk Tubuh Al-Fateh, Malakah Qiyadiyah, Berkepimpinan Tinggi”.

***SYAHADAH ULA
PERINGKAT TERTINGGI
HAFAZAN AL-QURAN
PELAJAR KE-10***

PENCAPAIAN PELAJAR I HAZIM, SYAHADAH ULA KE-10


Pada 30 September 2025, Muhammad Hazim bin Hisan, berjaya menamatkan Syahadah Ula iaitu pengiktirafan tertinggi dalam hafazan al-Quran, dalam tempoh 20 jam, sekaligus menjadi pelajar ke-10 Maahad Tahfiz Al-Fateh yang mencapai tahap ini.

Setiap helaian yang diulang, setiap kalam yang dijaga, adalah saksi bahawa kejayaan tidak akan datang dengan mudah. Ia lahir daripada keazaman, sabar, dan doa yang tidak putus .

Semoga langkah ini menjadi permulaan kepada perjalanan yang lebih besar, dan Hazim terus menjadi cahaya yang menyinari dengan ilmu & amal.



PENCAPAIAN PELAJAR I HAZIM, SYAHADAH ULA KE-10



Gambar sekitar Majlis Syahadah Ula: Muhammad Hazim bin Hisan

LAPORAN
PROJEK PEMBANGUNAN
SEPTEMBER 2025

PROJEK PEMBANGUNAN I BANGUNAN HAFIZAH


Kerja-kerja pembangunan kini berjalan lancar dengan beberapa kemajuan penting telah dicapai. Antaranya termasuk pemasangan sambungan wayar bawah tanah (underground) dengan wayar atas serta pelaksanaan kerja-kerja elektrik yang sedang dijalankan mengikut jadual.

Di samping itu, kerja plaster luaran di bahagian belakang, kiri dan kanan bangunan telah disiapkan sepenuhnya, manakala kerja paip (plumbing) juga telah selesai. Perkembangan ini menandakan projek bergerak dengan baik dan semakin hampir ke arah penyempurnaan.

Segala kemajuan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan dan sumbangan ikhlas daripada para penyumbang. Setiap sumbangan yang diberikan telah menjadi pemangkin utama dalam merealisasikan pembangunan ini.



PROJEK PEMBANGUNAN I BANGUNAN HAFIZAH



KOD QR KEMPEN DANA 2025

SUMBANGAN
ASRAMA HAFIZAH



SUMBANGAN
PERALATAN SEKOLAH



SEDEKAH JUMAAT



SUCIHARTA.COM



TAJAJAN PENDIDIKAN
PELAJAR ASNAF





MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن

TUNAIKAN ZAKAT SEKARANG

Kami merupakan Penolong Amil Zakat
Selangor yang berdaftar secara sah.



**TUNAI
ZAKAT**



MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن



www.tunaizakat.my





MAKLUMAT TAHFIZ



Nama Sekolah

Maahad Tahfiz Al-Fateh



Alamat

Lot 922, Sungai Bertam, Jalan Belakang Pusat
Pertanian, 44300 Batang Kali, Selangor



No. Pendaftaran

JLD.8(59) BZH 5024



No. Telefon

+60 17 - 472 4352 (Dana)



E-mel

tahfizalfateh15@gmail.com



Akaun Bank

Agrobank



No Akaun Bank

1005 4810 0007 7483



Media Sosial

facebook.com/tahfizalfateh | instagram.com/tahfizalfateh



Laman Sesawang

www.alfateh.edu.my



MAAHAD TAHFIZ AL-FATEH